

Rusuhan berlaku jika kempen ganas tidak ditangani segera

UM 23 JUL 2002

PASIR GUDANG 25 Julai — Rusuhan semasa pilihan raya mungkin berlaku sekiranya cara berkempen yang ganas dan melampau oleh pembangkang tidak ditangani segera, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kajian Majlis Tertinggi (MT) UMNO terhadap laporan keganasan semasa kempen pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit di Kedah baru-baru ini mendapati adanya perbuatan yang sangat serius.

“Pada mulanya ia (keganasan) dikatakan tidak begitu serius, tetapi selepas kita menerima laporan, nampaknya serius.

“Kalau aliran ini berterusan dikhawatiri akan berlaku rusuhan setiap kali ada pilihan raya umum dan pilihan ra-

ya kecil,” katanya kepada pemberita selepas melawat Pelabuhan Pasir Gudang, di sini hari ini.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, terdapat keperluan untuk memberikan kuasa kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) supaya dapat mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang menggunakan kekerasan dan keganasan ketika pilihan raya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa kabinet bersetuju memberikan kuasa kepada SPR untuk menangani kempen kasar dan ganas.

Melalui kuasa itu, SPR boleh menangkap sesiapa sahaja yang mengeluarkan kata-kata kesat dan menyalahgunakan agama ketika berceramah pada pilihan raya akan datang.

Kabinet juga bersetuju supaya sebuah Unit Petugas Khas ditubuhkan dengan kerjasama polis untuk menguatkuasakan peraturan itu yang antara lain berfungsi menanggalkan poster dan sepanduk berunsur lucah dan hasutan.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, Kabinet masih lagi mengkaji perkara itu termasuk melihat laporan-laporan yang datang kerana ia belum lengkap.

Pada masa sekarang katanya, SPR tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan oleh itu mereka tidak mempunyai cara untuk menyekat keganasan.

“Sebab itu pada masa sekarang peranan itu dimainkan oleh pasukan keselamatan seperti polis,” katanya.